

04/11/2001

Isu HIV, Aids dalam sesi khas hari kedua

BANDAR SERI BEGAWAN: Isu HIV/Aids yang dicadangkan Malaysia akan dibincang dalam sesi khas pada hari kedua Sidang Kemuncak Asean ke-7 di sini, Selasa ini.

Ia dimasukkan sebagai satu daripada empat isu yang akan dibincang pada hari itu, sekali gus dianggap kejayaan awal Malaysia untuk membawa negara serantau bekerjasama menangani isu HIV/Aids yang mengancam pembangunan sosial dan ekonomi.

Pemimpin dan ketua negara Asean dijangka merumuskan satu 'Program Kerja Asean' khusus mengenai HIV/Aids, dengan antara lain menggerakkan kerjasama serantau memerangi wabak penyakit itu serta mencari pendekatan memastikan kemudahan rawatan pada kos yang munasabah.

Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Asean semalam difahamkan sudah memperhalusi draf berhubung mekanisme untuk menangani masalah HIV/Aids.

Pada mesyuarat itu, delegasi Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Sesi khas mengenai HIV/Aids selama kira-kira 15 minit Selasa ini, antara lain bertujuan menggerakkan kerjasama serantau serta meraih sokongan politik bagi menjadikan isu berkenaan sebagai keutamaan.

Ia juga bertujuan memupuk kerjasama mengenai pertukaran kepakaran berhubung HIV/Aids serta isu berkaitan kawalan di sempadan antara negara (cross border).

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di sini petang ini (Ahad) untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asean yang bermula esok.

Ketika di sini, Perdana Menteri dijangka mengadakan rundingan dua hala dengan Presiden Korea, Kim Dae-Jung dan Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen.

Malam ini, Dr Mahathir menghadiri jamuan bersama pemimpin dan ketua-ketua kerajaan Asean, dihoskan oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkiah, di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

(END)